

**GARIS PANDUAN PEMBERIAN BANTUAN  
KEPADA BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)  
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA**

---

**1. DASAR PEMBERIAN BANTUAN KEPADA PERSATUAN /  
PERTUBUHAN (BADAN BUKAN KERAJAAN)**

- 1.1 Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) sebagai salah satu agensi kerajaan di bawah Kementerian Belia dan Sukan adalah merupakan satu agensi yang perlu bergerak seiring dengan badan – badan bukan kerajaan sebagai langkah mendekati golongan sasaran yang terdiri daripada golongan belia dan warga muda khususnya dalam memastikan objektif dan agenda Kementerian tercapai.
- 1.2 Selaras dengan saranan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan untuk menjadikan persatuan / pertubuhan bukan kerajaan sebagai rakan kongsi Kementerian maka usaha – usaha pemberian bantuan kepada badan – badan bukan kerajaan tersebut perlulah diselaras dan diperkemas. Sehubungan dengan itu, JBSN telah memperkemas Garis Panduan Pemberian Bantuan kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO) (GARIS PANDUAN PEMBERIAN BANTUAN / 2008) untuk menyeragam dan memastikan pemberian bantuan dapat dibuat dengan lebih efektif.
- 1.3 Dengan wujudnya garis panduan ini maka tatacara dan garis panduan yang telah digunapakai sebelum ini akan termansuh dengan sendirinya.

**2. OBJEKTIF PEMBERIAN BANTUAN KEPADA PERSATUAN /  
PERTUBUHAN (BADAN BUKAN KERAJAAN)**

- 2.1 Objektif utama pemberian bantuan kepada persatuan / pertubuhan / (bukan kerajaan) adalah bagi memastikan Dasar – dasar Pembangunan Belia, Sukan dan Rakan Muda dapat dilaksanakan dengan jayanya dengan kerjasama badan – badan bukan kerajaan.
- 2.2 Pemberian bantuan ini adalah bagi menampung sebahagian daripada kos – kos yang ditanggung oleh persatuan / pertubuhan (bukan kerajaan) / badan – badan yang dilantik di bawah dasar – dasar Pembangunan Belia, Sukan dan Rakan Muda di dalam penganjuran program – program yang dirancang.

### 3. JAWATANKUASA PEMBERIAN BANTUAN

Berdasarkan kepada Surat Pekeliling Kewangan Kementerian Belia dan Sukan Bil 1 Tahun 2001 dan Surat Kelulusan Garis Panduan Pertimbangan Pemberian Bantuan Kerajaan Kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO) (BS(8.03)198-2(3) bertarikh 5 Mei 2008, Jawatankuasa Pemberian Bantuan JBSN telah ditetapkan seperti berikut :

#### 3.1 Peringkat Kementerian – bagi permohonan melebihi RM 30,000

##### Pengerusi

1. Ketua Setiausaha / Timbalan Ketua Setiausan (Pengurusan )

##### Ahli Jawatankuasa

1. Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara
2. Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Sukan atau wakilnya ; dan
3. Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Belia atau wakilnya; dan
4. Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Rakan Muda atau wakilnya; dan
5. Setiausaha Bahagian Pembangunan dan Kewangan atau wakilnya

##### Urusetia

1. Pengarah Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Sokongan Jabatan Belia dan Sukan Negara; atau

#### 3.2 Peringkat Jabatan – bagi permohonan kurang dari RM 30,000

##### Pengerusi

1. Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara

##### Ahli Jawatankuasa

1. Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Sukan atau wakilnya ; dan
2. Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Belia atau wakilnya; dan
3. Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Rakan Muda atau wakilnya; dan
4. Setiausaha Bahagian Pembangunan dan Kewangan atau wakilnya

##### Urusetia

1. Pengarah Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Sokongan Jabatan Belia dan Sukan Negara; atau

3.3 Peringkat Negeri – bagi permohonan tidak melebihi dari RM 10,000

Pengerusi

1. Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri

Ahli Jawatankuasa

1. Timbalan / Penolong Pengarah atau wakilnya (Peringkat Negeri)

Urusetia

1. Bahagian Kewangan Jabatan Belia dan Sukan Negeri

**4. KATEGORI PEMBERIAN BANTUAN**

Umumnya terdapat dua (2) kategori pemberian bantuan yang akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pemberian Bantuan JBSN iaitu :

4.1 Bantuan Pentadbiran – bertujuan membantu membiayai sebahagian daripada kos pengurusan pejabat, elaun setiausaha kerja, utiliti dan sewaan pejabat.

4.2 Bantuan Aktiviti – bertujuan membiayai sebahagian daripada kos pelaksanaan program atau aktiviti yang dijalankan oleh NGO. Bantuan aktiviti ini terbahagi dua (2) jenis iaitu :

4.2.1 Bantuan Aktiviti Yang Dianjurkan Bersama Dengan NGO

Tujuan pemberian bantuan ini adalah untuk membiayai kos pelaksanaan program dan aktiviti yang dijalankan bersama dengan NGO dengan kedua – dua pihak mempunyai kepentingan selaras dengan objektif Pembangunan Belia, Sukan dan Rakan Muda.

4.2.2 Pemberian Bantuan Untuk Membiayai Program atau Aktiviti Yang Dianjurkan Oleh NGO

Tujuan pemberian bantuan ini untuk membantu sebahagian kos pelaksanaan program / aktiviti yang dirancang dan dijalankan oleh NGO yang tujuannya selaras dengan objektif Pembangunan Belia, Sukan dan Rakan Muda. Pertubuhan perlulah berkeupayaan menganjurkan program berdasarkan kepada prestasi organisasi itu sendiri. Mereka juga perlulah mempunyai kepakaran seperti pemimpin / instruktur / tenaga professional bagi mencapai matlamat pembangunan modal insane dan kualiti hidup masyarakat yang menjadi teras kepada kejayaan pelaksanaan program pembangunan kerajaan.

**5. PROGRAM / AKTIVITI YANG BOLEH DIPERTIMBANGKAN**

- 5.1 Program yang dianjurkan hendaklah selaras dengan dasar / matlamat / objektif Pembangunan Belia, Sukan dan Rakan Muda.
- 5.2 Program / aktiviti yang dianjurkan hendaklah memberi impak positif kepada kumpulan sasaran.
- 5.3 Program / aktiviti yang tidak menyentuh sensitiviti agama, kaum dan budaya.
- 5.4 Program / aktiviti yang melibatkan lebih ramai kumpulan sasaran.
- 5.5 Program / aktiviti yang dianjurkan mengabungkan unsur – unsur integrasi dan penglibatan pelbagai peringkat komuniti masyarakat.
- 5.6 Program / aktiviti yang berkonsepkan kepimpinan, jati diri, patriotisma, ketatanegaraan, kemahiran, keusahawanan, integrasi dan penjelasan konsep program perlu bercirikan perpaduan dengan menekankan perpaduan nasional.

**6. PERMOHONAN YANG TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**

- 6.1 Persatuan / Pertubuhan yang telah **dibatalkan** pendaftarannya.
- 6.2 Pertubuhan, Yayasan, Institut, dan Syarikat yang berdaftar dengan Pendaftar Syarikat yang berorientasikan keuntungan.
- 6.3 Pertubuhan Politik, Pertubuhan Agama, Dewan Perniagaan, dan orang perseorangan.
- 6.4 Program / aktiviti berbentuk lawatan.
- 6.5 Permohonan pembelian aset / harta kekal.
- 6.6 Bantuan bagi aktiviti pembangunan seperti pengubahsuaian pejabat, baik pulih bangunan dan pembinaan pejabat.
- 6.7 Jawatankuasa, Kumpulan atau orang perseorangan yang menjalankan projek / program penyelidikan mengenai Belia / Sukan / Rakan Muda.

**7. KRITERIA PERMOHONAN**

- 7.1 Berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Belia / Pesuruhjaya Sukan (PJS) atau Sekretariat Rakan Muda.
- 7.2 Mana-mana pertubuhan / persatuan yang berdaftar dan melaksanakan aktiviti pembangunan Belia, Sukan dan Rakan Muda yang difikirkan layak untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pemberian Bantuan.
- 7.3 Kos program / aktiviti yang dikemukakan adalah munasabah dan permohonan hanya dipertimbangkan kepada perkara – perkara seperti makan / minum, penginapan, sewaan kemudahan dan peralatan, dokumentasi, bayaran imbuhan pengajar / penceramah / pengadil / pegawai teknikal, hadiah pertandingan, dan lain-lain kos yang munasabah dengan program / aktiviti dipohon.

## **8. PROSES PERMOHONAN BANTUAN**

- 8.1 Pemohon hendaklah melengkapkan Borang PB 1/2008 (secara online) menggunakan sistem e-bantuan (perlu dicetak) dan dikemukakan bersama-sama dokumen berikut :
- a. Dua (2) salinan Kertas kerja bagi program / aktiviti yang bakal dianjurkan
  - b. Satu (1) salinan Perlembagaan Persatuan / Pertubuhan yang disahkan
  - c. Satu (1) salinan Sijil Pendaftaran
  - d. Penyata Kewangan Tahunan Terakhir
  - e. Laporan Pelaksanaan program / aktiviti dan Penyata Perbelanjaan bagi permohonan bantuan yang telah diluluskan sebelum ini, jika ada.
  - f. Penyata bank terkini yang telah disahkan.
- 8.2 Permohonan perlulah dibuat sekurang – kurangnya 30 hari sebelum tarikh pelaksanaan program.
- 8.3 Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pemberian Bantuan.
- 8.4 Semua permohonan bantuan dari Daerah dan Negeri hendaklah melalui Jabatan Belia & Sukan Negari atau Pejabat Belia & Sukan Daerah.
- 8.5 Pegawai Jabatan Belia dan Sukan Negara / Negeri boleh turut serta di dalam mana-mana program / aktiviti yang dijalankan oleh pemohon sebagai langkah pemantauan.
- 8.6 Pemohon yang berjaya hendaklah mengemukakan Laporan Pelaksanaan Program dalam tempoh 30 hari selepas tarikh pelaksanaan program / aktiviti. Kegagalan mengemukakan Laporan akan menyebabkan permohonan tidak akan dipertimbangkan pada masa akan datang.

## **9. KERTAS KERJA PERMOHONAN BANTUAN**

Pemohon perlulah mengemukakan dua (2) salinan kertas kerja yang mengandungi butiran berikut :

- 9.1 Tujuan program / aktiviti yang bakal dianjurkan
- 9.2 Tarikh, tempat dan jadual pelaksanaan program
- 9.3 Anggaran perbelanjaan secara terperinci
- 9.4 Keupayaan dan faedah untuk melaksanakan program
- 9.5 Butir – butir sumbangan yang diterima daripada Kementerian / Jabatan / Agensi lain, jika ada
- 9.6 Cadangan yuran penyertaan / caj kepada peserta.

**10. PENGIKTIRAFAN KEPADA JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA**

Semua aktiviti / program yang mendapat pemberian bantuan Jabatan Belia dan Sukan Negara / Kementerian Belia dan Sukan hendaklah memaparkan logo-logo berkaitan seperti logo NFC, Belia Benci Dadah dan Rakan Muda.